



TEKS UCAPAN ALUAN
YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA

SEMPENA
PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA

PADA
8 JULAI 2025 (SELASA)

MASA
9.00 PAGI

TEMPAT
IBU PEJABAT JBPM NEGERI MELAKA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis, PBK II (TBK 2) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil PPgB Irman bin Ali, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Yang Berusaha Penolong Kanan Pesuruhjaya Tuan Adi Supian bin Shafie,
Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka

Yang Berusaha, PgKB I R. Saiful Iswandy bin R. Hassan
Timbalan Pengarah JBPM Negeri Melaka

Penolong-penolong Pengarah Bahagian, Ketua - Ketua Zon, Ketua - Ketua Balai,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Syukur, Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, kita dapat bersama-sama hadir dalam *Program Pengukuhan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka Tahun 2025* dan menyaksikan satu detik penting iaitu *Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR)* yang akan saya sendiri pimpin, disaksikan oleh Yang Berusaha Pengarah SPRM Negeri Melaka.
2. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan Selamat Datang kepada Yang Berusaha Penolong Kanan Pesuruhjaya Tuan Adi Supian bin Shafie, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka nadir ke Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka pada hari ini.
3. Kehadiran pihak SPRM merupakan satu penghargaan dan suntikan semangat kepada kami warga JBPM Negeri Melaka, khususnya dalam memperkukuhkan nilai integriti, akauntabiliti serta etika perkhidmatan awam dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Komitmen terhadap integriti bukan sekadar lafaz di bibir, tetapi ia harus dizahirkan melalui sikap, tindakan dan budaya kerja harian kita. Bacaan Ikrar Bebas Rasuah yang bakal dilaksanakan sebentar nanti adalah simbolik kepada iltizam dan komitmen kita semua untuk menjadikan integriti sebagai teras dalam setiap tugas dan amanah yang digalas.
5. Kita sedar bahawa tanggungjawab sebagai penjawat awam, lebih-lebih lagi sebagai pegawai bomba, bukan sahaja menuntut profesionalisme dalam operasi penyelamatan dan pemadaman, tetapi juga menuntut

ketelusan, disiplin serta etika kerja yang tinggi dalam setiap aspek tugas termasuk urusan pentadbiran, kewangan dan perolehan.

6. Saya menyeru kepada semua warga JBPM Melaka – daripada peringkat pegawai kanan hinggalah ke anggota pelaksana – agar terus menjadikan integriti sebagai pegangan hidup. Jangan sesekali berkompromi dengan sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan atau rasuah.
7. Sebagai Pengarah, saya sendiri akan memastikan bahawa amalan tadbir urus yang baik akan terus diperkasa, pemantauan secara dalaman akan dipertingkatkan, dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba mencemarkan nama baik jabatan.
8. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjunjung tinggi amanah yang diberi, menolak rasuah dalam semua bentuk, dan terus menjadikan integriti sebagai budaya kerja kita. Sesungguhnya, integriti adalah asas kepada kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang kita berikan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.